

B533
MAHATHIR

1981

ALOR SETAR, 17 APRIL (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS SEGOLONGAN KECIL KAUM TERPELAJAR YANG MENYELAR SISTEM PELAJARAN SEKULAR SEBAGAI TIDAK HARUS DIAMALI.

KATANYA MEREKA YANG MENYELAR SISTEM PELAJARAN SEKULAR ITU ADA YANG MENDAPAT PENDIDIKAN TINGGI DI LUAR NEGERI DAN HIDUP SECARA SENANG-LENANG HASIL PENDIDIKAN SEKULAR.

APABILA MEREKA PULANG KE TANAH AIR, MEREKA MENUDUH SISTEM TERSEBUT TIDAK BAIK DAN TIDAK HARUS DIPELAJARI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MELETAKAN BATU ASAS KOMPLEK AKADEMIK RAKYAT TAJAAN PERSATUAN BELIA BIMBINGAN (PBB) DI BATU EMPAT, JALAN LANGGAR DISINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA GOLONGAN TERSEBUT JUGA MENUDUH PELAJARAN TIDAK PENTING DAN SISTEM SEKULAR TIDAK BAIK DARI SEGI AGAMA.

BELIAU MENINGATKAN GOLONGAN TERSEBUT BAHAWA AGAMA ISLAM SENDIRI MENGGALAKAN UMATNYA SUPAYA MENUNTUT ILMU UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DALAM HIDUP.—BERSAMBUNG 1440/MK

B534

186

B535
MAHATHIR 3 ALOR SETAR

PARA PEMIMPIN YANG MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN DARI BELENGGU PENJAJAHAN JUGA MENGGUNAKAN PELAJARAN YANG ADA PADA MEREKA UNTUK MEMBEBAS NEGARA TANPA MENUMPASKAN SETITIK DARAH PUN.

+OLEH ITU PELAJARAN ADALAH PENTING UNTUK SETIAP ORANG YANG INGIN KEBEBASAN DALAM HIDUP KERANA TANPA KEBEBASAN, PIHAK LAIN AKAN TERUS MENEKAN DAN MENINDAS KITA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMUJI PERSATUAN BELIA BIMBINGAN ATAS USAHANYA MEMBERI BIMBINGAN PELAJARAN KEPADA MEREKA YANG TERCICIR YANG DAHAGAKAN ILMU PENGETAHUAN.

KATANYA KAUM BELIA DI NEGARA INI PERLU MEMPUNYAI IDEALISME YANG DAPAT MEMBERI SUMBANGAN BESAR TERHADAP PEMBANGUNAN NEGARA DAN MEMUJI PERSATUAN ITU KERANA MEMPUNYAI IDEALISME DALAM BIDANG PELAJARAN.—BERNAMA 1450/MK

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

ILMU YANG DIKEHENDAKI OLEH ISLAM BUKAN SAHAJA YANG ADA KAITAN DENGAN AGAMA SAHAJA, TETAPI MELIPUTI SEMUA BIDANG ILMU YANG DAPAT DIJADIKAN BEKALAN HIDUP DI DUNIA DAN AKHIRAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APA YANG PENTING TALAH KITA MENUNTUT ILMU UNTUK KEBAIKAN DAN KESEJAHTERAAN DAN BUKAN UNTUK KEJAHATAN ATAUPUN UNTUK BEKALAN AKHIRAT SAHAJA.

KATANYA PELUANG PELAJARAN YANG ADA DI MALAYSIA SEMAKIN BERTAMBAH SEHINGGA ADA ORANG YANG SANGGUP MEMBUANG PELUANG PELAJARAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DI SALAH SEBUAH UNIVERSITI TEMPATAN TERDAPAT 16 ORANG PELAJAR YANG TELAH MEMBUANG PELUANG PELAJARAN DENGAN ALASAN IA TIDAK BERGUNA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA +MELALUI PELAJARAN, KITA BUKAN SAHAJA DAPAT MEMBINA ILMU PENGETAHUAN TETAPI YANG LEBIH PENTING LAGI KITA JUGA MENDAPAT KEBEBASAN.—BERSAMBUNG 1445/MK